

Ismail Jaafar menghembuskan nafas terakhir di rumah akibat komplikasi pelbagai penyakit

Pencipta nama Proton Saga meninggal

Oleh OTHMAN YAHAYA

SUNGAI PETANI
S - Pencipta nama kereta nasional pertama negara, Proton Saga iaitu Ismail Jaafar, 71, meninggal dunia akibat komplikasi jantung, darah tinggi dan kencing manis di kediamannya di Taman Nuri di sini kelmarin.

Ismail yang merupakan bekas anggota tentera berpangkat staf sarjan menghembuskan nafas terakhirnya di samping isterinya, Tariah Abd Rahman, 69, dan tiga orang anaknya kira-kira pukul 3.10 petang.

Tariah berkata, keadaan kesihatan suaminya semakin teruk pada Khamis lalu selepas mendapatkan rawatan selama 51 hari di Hospital Sultan Abdul Halim di sini.



INILAH edisi pertama kereta nasional negara, Proton Saga yang diperkenalkan pada tahun 1985.



ISMAIL

“Suami saya beria-ia untuk pulang ke rumah pada Khamis lalu. Namun, umurnya tidak panjang kami sekeluarga reda,” katanya sebab ketika ditemui di Taman Nuri di sini semalam.

Kepada *Kosmo!* Ahad Tariah memberitahu, dia sedikit terkilang kerana hasrat arwah yang ingin mendapatkan kembali

hadiah kemenangan kereta Proton Saga yang diperolehi berdaya di Pendang tidak tercapai.

Arwah difahamkan telah menjual kereta tersebut kepada satu individu bagi membiayai pengajian anaknya di universiti ketika itu.

“Kami sekeluarga turut kecewa kerana selepas kemenangan itu, dirinya seolah-olah dilupakan termasuk tidak pernah mendapat perhatian daripada Persatuan Bekas Perajurit



TARIAH melihat gambar kenangan Allahyarham ketika ditemui di rumahnya di Taman Nuri, Sungai Petani semalam.

atau mana-mana pihak lain,” katanya.

Ujarnya lagi, dalam keadaan kesihatan yang tidak baik, Ismail masih bekerja sebagai pegawai pentadbiran di syarikat SRT EON di sini.

Jenazah Ismail disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Raudatul Solehin, Aman Jaya di sini.

INFO

Kemenangan Ismail Jaafar yang mencipta nama Proton Saga

- Nama kereta pertama kebangsaan, Proton Saga yang dicipta Ismail dipilih daripada keseluruhan 102,823 penyertaan yang diterima Proton selaku penganjur
- Edisi pertama kereta nasional itu disempurnakan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 1 September 1985
- Merupakan kereta berkonsep salun yang mempunyai empat pintu
- Penghasilan kereta berkenaan turut mendapat kerjasama daripada Mitsubishi Motors Jepun
- Model pertama ini menggunakan enjin 1.5 liter 4G15 Orion Mitsubishi
- Proton generasi pertama mempunyai rekod pengeluaran yang paling lama antara model Proton lain iaitu selama 23 tahun sebelum diganti dengan Proton generasi kedua pada tahun 2008.
- Merupakan antara model Proton yang paling laris apabila terjual hampir 1.2 juta unit
- Harga Model Proton Saga pertama dijual pada harga RM18,500
- Pada masa itu, Ismail berkhidmat sebagai anggota tentera di Markas Dua Divisyen di Pulau Pinang
- Kemenangannya dengan mengalahkan ribuan peserta lain telah membolehkan dia menerima hadiah sebuah kereta Proton Saga dengan nombor pendaftaran PBE 7149